



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN MENTERI NRES KE TAPAK PROJEK PERINTIS PERLOMBONGAN NR-REE DAN TAPAK PERLOMBONGAN HARAM HUTAN SIMPAN BINTANG HIJAU DI PERAK

Pada hari ini, saya telah membuat lawatan rasmi ke Negeri Perak bagi melihat projek-projek yang dijalankan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Semasa sesi lawatan tersebut, saya berkesempatan meninjau tapak projek perintis perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) yang telah dijalankan di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan. Projek perintis ini merupakan satu-satunya projek perlombongan NR-REE di Malaysia yang telah diberikan kelulusan oleh jabatan dan agensi berkaitan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi membolehkannya beroperasi.

Melalui sesi lawatan ini, saya telah melihat pelaksanaan aktiviti perlombongan di tapak projek yang mengguna pakai kaedah perlombongan *in-situ leaching*. Kaedah ini telah dikenal pasti lebih selamat dan mesra alam berbanding kaedah yang lazim diguna pakai dalam perlombongan mineral lain di Malaysia.

Berdasarkan pemerhatian dan penerangan yang diterima, saya yakin aktiviti perlombongan NR-REE yang dijalankan di tapak projek berkenaan mematuhi prosedur yang ditetapkan melalui dokumen Prosedur Operasi Standard Aktiviti Perlombongan NR-REE Di Negeri Perak (SOP NR-REE Negeri Perak). Ia memberi keyakinan bahawa aktiviti perlombongan boleh dikawal dengan baik melalui pematuhan prosedur yang ditetapkan dan pemantauan yang berterusan.

Saya juga telah meninjau tapak perlombongan haram NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau, Mukim Bandar Lawin, Daerah Hulu Perak. Berdasarkan pemeriksaan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak, didapati bahawa kerja-kerja di tapak berkenaan adalah kerja pembangunan secara haram bagi tujuan menjalankan perlombongan NR-REE walaupun secara *in-situ leaching*. Kerja perlombongan masih belum bermula. Laporan penuh penemuan di tapak akan dikemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) untuk tindakan selanjutnya.

Dalam lawatan ini, saya juga turut mendengar taklimat berkaitan Projek Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) di Negeri Perak yang disampaikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Majlis Tanah Negara (MTN) ke-68 pada tahun 2012 meluluskan kuota zon pembangunan ladang hutan di Negeri Perak seluas 100,000 hektar. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Perak hanya meluluskan zon pembangunan ladang hutan di negeri Perak seluas 32,375 hektar.

Saya juga telah diberi taklimat berkaitan isu bantahan oleh penduduk kampung terhadap PPLH di Hutan Simpan Kledang Saiong. Jarak terdekat kawasan penempatan dengan lokasi PPLH adalah lebih daripada 500 meter. PPLH di Hutan Simpan Kledang Saiong ini telah mendapat kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH). Pada masa kini, penubuhan ladang hutan di Hutan Simpan Kledang Saiong masih belum dilaksanakan di lapangan. Pihak Kerajaan akan memastikan kepentingan penduduk berhampiran terpelihara walaupun pembangunan ladang hutan dilaksanakan kelak.

Di akhir siri lawatan ini, saya telah dibawa untuk melawat ke Taman Eko-Rimba (TER) Lata Kekabu yang terletak di dalam Hutan Simpan Bintang Hijau. TER ini merupakan sebahagian Geotapak yang terletak di dalam Geopark Lembah Lenggong dan mempunyai keunikan yang tersendiri seperti sungai yang jernih serta mempunyai kemudahan yang lengkap seperti lima (5) buah chalet, dewan terbuka dan tapak perkhemahan. TER ini amat sesuai untuk diketengahkan sebagai produk

pelancongan di daerah Lenggong selaras dengan Tahun Melawat Perak 2024.

Saya turut diberi penerangan berkaitan Pelan Induk Pembangunan TER Lata Kekabu ini yang berkonsepkan Pelancongan Pendidikan (*Edutourism*). Kementerian akan membantu merealisasikan perancangan JPNPk yang telah tersedia di dalam Pelan Induk ini melalui peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)* bagi tahun 2025. Semoga dengan bantuan ini, TER Lata Kekabu akan menjadi pusat latihan alam sekitar dan pusat rujukan sumber hutan yang terkemuka di Daerah Lenggong.

**NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
18 DISEMBER 2023**